TEKS UCAPAN PERASMIAN
YANG BERHORMAT NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN LOJI RAWATAN KUMBAHAN (LRK)
BERPUSAT LANGAT DAN TAMAN EKO LANGAT

Salutasi ***(akan dikemaskini pada hari program)***

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh dan Salam Sejahtera

Terima kasih Pengacara Majlis

1. Yang Berhormat Dato' Sri Huang Tiong Sii
   Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

2. Yang Berbahagia Dato' Haji Rosli bin Isa
   Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

3. Yang Berusaha Tuan Haji Wan Abdul Rahim Wan Abdullah
   Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan

4. Yang Berbahagia Dato' Haji Ahmad Faizal Bin Abdul Rahman
   Ketua Pegawai Eksekutif, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

5. Yang Berbahagia, Encik Narendran Maniam
   Ketua Pegawai Eksekutif, Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK),

6. Yang Berbahagia Dato' Sri Ir. Dr. Roslan Bin Md. Taha
   Pengerusi, MMC Engineering Sdn. Bhd.

Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri,

Rakan-rakan media;

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

<u>Ucapan Alu-Aluan</u>

1. Alhamdullilah, syukur dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah izinNya jua, kita diberi kesempatan untuk bertemu dalam Majlis Perasmian Loji Rawatan Kumbahan (LRK) Berpusat Langat dan Taman Eko Langat pada pagi ini.

2. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Jabatan Perkhidmatan Pembetungan dan pasukan projek, Agensi-Agensi Persekutuan dan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, pasukan perunding serta semua pemegang taruh di atas penyiapan projek berimpak besar ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

3. Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim merupakan elemen penting dalam kehidupan di muka bumi. Sehubungan itu, memacu agenda pelestarian alam sekitar negara dan penyediaan sumber air yang bersih bagi negara Malaysia menjadi salah satu keutamaan kepada Kementerian ini.

4. Seperti yang kita sedia maklum, Selangor, Kuala Lumpur dan Lembah Klang amnya telah menjadi nadi perindustrian di Malaysia. Proses urbanisasi dan pertumbuhan metropolitan yang pesat juga meningkatkan keperluan bekalan air bersih dan perkhidmatan pembetungan untuk tujuan domestik, komersial dan industri.

5. Ketika Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, hampir tiada sistem pembetungan ketika itu. Selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963, sistem pembetungan seperti tangki septik individu dan komunal, tangki Imhoff, kolam pengoksidaan dan sistem sambungan mekanikal telah diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia dengan harapan untuk meningkatkan kesihatan masyarakat.

6. Sejak Akta Perkhidmatan Pembetungan 1993 memberi mandat kepada Kerajaan Persekutuan untuk bertanggungjawab sepenuhnya dan kawalan ke atas pembangunan, pengurusan dan peraturan pengurusan kumbahan di seluruh negara, Kerajaan komited dalam menyediakan sistem pengurusan kumbahan yang efisien di negara ini bagi menjamin kelangsungan sumber air mentah.

7. Sebanyak 97% daripada sumber air mentah di negara kita diperoleh daripada air permukaan dan bakinya daripada air bawah tanah. Namun ekoran pencemaran yang berlaku, kualiti sumber air terutamanya air sungai telah mengalami kemerosotan.

8. Pencemaran sungai yang berlaku ini telah menyebabkan gangguan bekalan air bersih apabila loji-loji rawatan air terpaksa diberhentikan operasi sementara. Antara punca yang dikenalpasti ialah pembuangan haram bahan-bahan bi-produk industri, efluen-efluen substandard dari loji-loji rawatan lama sediada yang tidak cekap (kumbahan domestik) dan aktiviti penternakan.

9. Melihat pada kebarangkalian ancaman pencemaran daripada efluen kumbahan khususnya kepada pencemaran sumber air dan kesihatan kehidupan awam, Kerajaan Persekutuan komited untuk meningkatkan tahap perkhidmatan pembetungan di negara kita dengan membangunkan sistem rawatan kumbahan moden. Semua jenis kumbahan yang dilepaskan ke sungai atau persekitaran akan dirawat dengan sempurna bagi mematuhi Efluen Standard ‘A’, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009, Jadual Kedua (Peraturan 7).

10. Di samping itu, peningkatan liputan perkhidmatan pembetungan bersambung di bandar-bandar utama akan terus dilaksanakan selaras dengan Pelan Kelestarian Alam Sekitar di Malaysia 2020–2030, di mana Kementerian menetapkan sasaran 95 peratus perkhidmatan pembetungan bersambung di bandar-bandar utama menjelang tahun 2030.

11. Liputan perkhidmatan bersambung juga akan diperluas agar kemudahan sanitari lama yang tidak mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling dapat diganti dengan sistem baharu yang seterusnya dapat menjamin kualiti persekitaran dan melindungi kepentingan kesihatan awam.

12. Bagi memastikan sasaran Transformasi Sektor Air 2040 untuk menjadikan sektor air satu sektor yang mampan, termasuk menyasarkan keselamatan air (*water security*) kepada setiap rakyat Malaysia agar mempunyai akses kepada bekalan air dan sistem sanitasi yang mampu milik, boleh dipercayai, mencukupi, bersih dan berkualiti dapat dicapai, RM1.467 bilion telah diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) bagi membangunkan infrastruktur yang mampan dan berkesan melalui pelaksanaan projek-projek pembetungan di seluruh negara.

13. Pelaburan besar oleh Kerajaan ini adalah untuk memastikan perancangan penyediaan infrastruktur pembetungan yang moden dan efisien secara berperingkat di seluruh negara dalam mengutamakan keperluan rakyat untuk akses kepada keperluan asas bagi menjalani kehidupan yang lebih produktif dan berlandaskan keadilan sosial. Ia sejajar dengan salah satu Teras Strategik Utama Malaysia Madani iaitu menjamin kesejahteraan insan.

14. Ia juga selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goal*) Nombor 6 yang berhasrat untuk meningkatkan akses kepada bekalan air bersih dan sanitasi.

15. Pembinaan sistem rawatan kumbahan yang sempurna dan menaiktaraf loji-loji rawatan sedia ada yang tidak efektif atau bersaiz kecil yang tidak kos efektif adalah antara tindakan yang dilaksanakan untuk mencapai tahap efluen yang mematuhi piawai yang ditetapkan serta memenuhi keperluan pertambahan populasi negara.

16. Pembangunan perkhidmatan pembetungan di kawasan bandar yang berkepadatan tinggi adalah berlandaskan konsep serantau (*regionalisation*) iaitu membina loji rawatan kumbahan dengan skala yang bersesuaian bagi menampung keperluan komuniti yang lebih ramai. Kaedah ini dapat dapat meningkatkan kecekapan secara *economy of scale* di samping mengurangkan pembinaan loji-loji kecil di kawasan pembangunan baharu.

17. Pembangunan infrastruktur pembetungan seperti menaiktaraf loji-loji sedia ada memerlukan modal yang besar dan amat bergantung kepada pembiayaan kerajaan berikutan operator perkhidmatan pembetungan berada dalam kedudukan kewangan yang tidak mampan. Berbanding dengan perkhidmatan utiliti yang lain, tarif pembetungan adalah antara yang terendah yang sedang dinikmati oleh pengguna.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

18. Projek Loji Rawatan Kumbahan Berpusat Langat ini merupakan **projek di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dengan kos berjumlah RM1.595 bilion.**

19. Ia merangkumi kawasan tadahan seluas 77.6 sq km termasuk Cheras Batu 11, Cheras Jaya, Desa Baiduri, Kajang 1 dan 3 dengan kapasiti loji rawatan kumbahan sebanyak 920,000 Penduduk Setara (Population Equivalent – “PE”).

20. Saya difahamkan pembinaan loji ini turut menggunakan pendekatan baharu seperti ekonomi kitaran (*circular economy*) dan pembangunan hijau (*green growth*) seperti penuaian air hujan, penggunaan semula efluen, penggunaan biogas dan tenaga solar bagi kegunaan LRK.

21. Saya berharap pihak IWK selaku operator pembetungan berlesen dapat mengembangkan lagi inisiatif teknologi hijau yang tersedia di loji ini berdasarkan konsep kekayaan daripada sisa (*waste to wealth*) dari penghasilan produk sampingan rawatan kumbahan (*by-product*) seperti bioefluen, biogas dan biomas.

22. Inisiatif ini juga selari dengan *Green Technology Master Plan 2017-2030* yang antara lainnya menyasarkan 33 peratus daripada bioefluen yang dihasilkan daripada loji rawatan kumbahan diguna semula menjelang tahun 2030. Pembudayaan ekonomi kitaran daripada produk sampingan rawatan kumbahan dapat menjadi penyumbang penting kepada usaha pelestarian alam sekitar dan bakal menjadikan salah satu penjana ekonomi negara bagi sektor air.

23. Bagi memastikan kemudahan dan fasiliti kumbahan yang disediakan diselenggara dengan baik dan pada tahap optimum, pengoperasian loji ini telah diambilalih oleh Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) pada 25 November 2022.

24. Saya dimaklumkan Loji Rawatan Kumbahan Berpusat Langat ini turut mengadaptasi konsep “return to community”, yang mana ianya dilengkapi dengan kemudahan riadah dan rekreasi, sukan dan pusat komuniti yang dikenali sebagai Taman Eko Langat, untuk dinikmati bersama oleh penduduk di Kampung Sungai Balak dan juga penduduk-penduduk di sekitar Cheras-Kajang.

25. Antara kemudahan yang disediakan termasuk Pusat Komuniti, dewan serbaguna yang boleh memuatkan 200 orang, dewan badminton berkapasiti 16 gelanggang dilengkapi oleh sistem penghawa dingin, 2 Gelanggang Futsal, Gelanggang Bola Keranjang, Gelanggang Sepak Takraw dan taman permainan. Kemudahan-kemudahan ini adalah sebahagian daripada konsep “local buy-in” dari pembinaan loji rawatan kumbahan di Kg. Sg. Balak. Taman Eko Langat dan dijangka akan dibuka kepada orang awam pada Jun 2023.

26. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Gabungan AJP-MFA sebagai Perunding Pengurusan Projek, MMC Pembetungan Langat Sdn Bhd serta semua pemegang taruh yang telah berganding bahu di atas penyiapan projek Pembinaan Langat Centralized Sewage Treatment Plant (CSTP) dan Penyambungan Rangkaian Paip Pembetungan di Kawasan Tadahan Lembangan Sungai Langat.

27. Dengan lafaz **Bismillahhirrahmanirrahim** saya dengan sukacita merasmikan **Loji Rawatan Kumbahan Berpusat Langat Dan Taman Eko Langat**. Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.